

Signal Awal Inflasi Turun? PPI Ogos Malaysia Susut 3 Bulan Berturut-Turut

## **Signal Awal Inflasi Turun? PPI Ogos Malaysia Susut 3 Bulan Berturut-Turut**

Data indeks harga pengeluaran (PPI) Malaysia berkembang 6.8% pada Ogos dan secara keseluruhan menurun untuk 3 bulan berturut-turut.

Sebagai perbandingan, data PPI bulan Jun adalah pada 10.9% sementara bacaan Julai 7.6%.

Mencerap data yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pada asas bulanan ia mencatat pengurangan sebanyak 0.2% berbanding 2.3% semasa Julai.

Digariskan bahawa penurunan tersebut berlaku ekoran daripada penyusutan 0.1% dalam indeks pembuatan, penurunan pertama sejak September 2020 selepas mencatat peningkatan 22 bulan berturut-turut.

Turut mencuri tumpuan adalah indeks pertanian, perhutanan dan perikanan yang meningkat 2.5% pada Ogos daripada catatan -22.3% semasa Julai.

Ikuti rincian data PPI Malaysia untuk bulan Ogos pada asas tahunan di bawah.

- **Indeks pembuatan** turun 9.4% pada Ogos berbanding 9.9% semasa Julai.
- **Indeks Perlombongan** susut 5.8% berbanding 9%.
- **Indeks Pertanian, Perhutanan dan Perikanan** turun -10.6% berbanding -10.3%.
- **Indeks Bekalan Air** naik 3.0% berbanding 2.1%.
- **Indeks Elekrtik dan Gas** kekal pada 0.9%.

Dalam pada itu, bacaan PPi mengikut peringkat pemprosesan pula menyaksikan,

- **Indeks bahan mentah untuk pemprosesan** turun 0.5% daripada 1.1% semasa Julai.
- **Indeks bahan perantaraan, bekalan dan komponen** turun 11.3% daripada 12.5%.
- **Indeks barang siap** tambah 2.9% daripada 2.4%.

Pada asas bulanan pula bahan mentah untuk pemprosesan serta Indeks bahan perantaraan, bekalan dan komponen turun 1% sementara indeks barang siap naik 0.3%.

<https://intraday.my/signal-awal-inflasi-turun-ppi-ogos-malaysia-susut-3-bulan-berturut-turut/>